

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU PENAGEHAN DADAH DI KALANGAN REMAJA MELAYU

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar lebih 70% penagih dadah adalah di kalangan remaja Melayu?
- b) Pohon statistik terkini mengikut negeri dan kaum?
- c) Apakah kemungkinan ia terjadi hasil perancangan jahat musuh atau akibat kegagalan pendidikan dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Selangor, pihak kerajaan menyedari bahawa kadar peratusan yang tinggi penagih dadah adalah di kalangan remaja Melayu. Oleh itu, pihak kerajaan dengan kerjasama beberapa jabatan / agensi dan NGO telah melaksanakan pelbagai program serta inisiatif untuk menangani masalah penagihan dadah ini.
- b) Statistik mengikut kaum OKP – Orang Kena Pengawasan iaitu penagih berdaftar dengan AADK mengikut negeri Selangor dan kaum di Malaysia bagi tempoh bagi tempoh 3 tahun bermula 7 Julai 2014 hingga 7 Julai 2017 adalah seperti **JADUAL I** di bawah :

JADUAL I
STATISTIK KAUM / BANGSA OKP MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH 7 JULAI 2014 – 7 JULAI 2017

BIL	NEGERI	KAUM					JUMLAH
		MELAYU	CINA	INDIA	SABAH/ SARAWAK	LAIN - LAIN	
1	JOHOR	5356	590	406	19	1	6372
2	KEDAH	6393	197	301	4	0	6895
3	KELANTAN	5893	54	5	3	0	5955
4	MELAKA	1877	99	119	44	1	2140
5	NEGERI SEMBILAN	2355	150	252	10	1	2768
6	PAHANG	5243	301	107	3	2	5656
7	PULAU PINANG	7357	1648	1818	20	0	10843
8	PERAK	4832	614	767	12	2	6227
9	PERLIS	1580	38	8	1	0	1627
10	SELANGOR	5960	597	927	64	22	7570
11	TERENGGANU	3193	14	2	2	1	3212
12	SABAH	184	113	4	1680	17	1998
13	SARAWAK	825	264	1	4	1	1095
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	2242	479	449	34	5	3209
15	PUTRAJAYA	81	0	1	1	0	83
16	WP.LABUAN	73	9	1	84	10	177
JUMLAH BESAR		53444	5167	5168	1985	42	65827

- *Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor diperolehi melalui Sistem MYAADK*

c) Punca utama penyalahgunaan dadah di kalangan remaja tidak melibatkan perancangan jahat musuh tetapi masalah ini berpunca daripada pengaruh sosial dan beberapa faktor seperti:

i. **Kegagalan atau kurang pendidikan**

kebanyakan remaja yang terlibat dengan dadah adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan agama. Hal ini berlaku kerana ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka. Selaras dengan zaman teknologi, remaja sangat terdedah dengan gejala-gejala sosial yang boleh merosakkan akal fikiran mereka. Kurangnya pendidikan agama menyebabkan remaja sesuka hati melakukan perkara yang telah dilarang oleh agama.

ii **Pengaruh rakan dan persekitaran**

Hasil kajian Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM). Prof Madya Dr. Lekra Ramal berkata sebanyak 14.6 % daripada remaja yang berumur antara 15 - 19 tahun sudah mula berjinak-jinak dengan penyalahgunaan dadah. Kebanyakan remaja bercampur dengan orang yang lebih dewasa daripada umur mereka akan dipengaruhi dengan pemikiran dan gaya hidup orang dewasa. Orang dewasa pula akan mengambil kesempatan dengan menggunakan mereka yang lebih muda. Akibatnya, golongan muda akan lebih mudah terdedah kepada risiko keruntuhan akhlak dan kekeliruan akan diri sendiri. Remaja yang tidak berhati-hati dalam memilih kawan pasti akan terikut dengan perbuatan negatif yang dilakukan oleh rakannya. Oleh itu, pemilihan rakan yang sesuai haruslah dilakukan dengan bijaksana oleh setiap remaja. Sekiranya rakan sebaya yang dikenali oleh mereka terlibat dalam pengambilan dadah, secara tidak langsung mereka sendiri akan terikut-ikut dengan sikap rakan mereka. Budaya ini harus dikikis kerana hanya akan menyebabkan gejala ini menjadi lebih serius dan remaja perlu bersikap rasional pada setiap masa.

iii. **Tekanan / Depressi**

Remaja bukan hanya berhadapan dengan cabaran untuk belajar di sekolah semata-mata. harapan yang tinggi oleh ibu bapa agar mereka mencapai prestasi yang cemerlang dalam pelajaran telah menjadi satu tekanan yang hebat kepada remaja. Selain menghadiri kelas di sekolah, mereka terpaksa menghadiri kelas-kelas yang lain seperti kelas tuisyen, muzik, tarian, seni pertahanan diri dan sebagainya bagi memenuhi kehendak ibu bapa. Akibatnya, mereka tidak mempunyai masa yang tersendiri untuk beristirahat dan melakukan hobi yang digemari oleh mereka. Tekanan ini akan mendorong mereka mengambil dadah kerana kononnya ingin mencari ketenangan jiwa. Mereka berpendapat bahawa pengambilan dadah dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh mereka dalam sekelip mata sahaja.

Selain daripada punca-punca di atas, terdapat beberapa faktor lain yang menjadi punca utama remaja ini terlibat di dalam penyalahgunaan dadah.

Dalam usaha menangani masalah dadah di Negeri Selangor pelbagai langkah drastik telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antaranya dengan menggunakan lima pendekatan atau pelan tindakan untuk dijadikan sebagai panduan pelaksanaan iaitu Pencegahan, Pembangunan, Pencelahan, Penguatkuasaan dan Pemulihan yang melibatkan jabatan / agensi Kerajaan dan Badan Bukan seperti berikut :

- i. Pejabat Daerah;
- ii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- iii. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- iv. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- v. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
- vi. Jabatan Imigresen;
- vii. Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- viii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- ix. Pemilik Rumah Pemulihan

Di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosial Negeri Selangor juga telah melaksanakan program-program untuk menangani gejala sosial dan penyalahgunaan dadah yang merangkumi semua aspek terutamanya yang memberi fokus kepada remaja / belia, antara program yang dilaksanakan ialah :

- i. Program Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS);
- ii. Forum Perdana – Generasi Idaman Selangor (GeMS);
- iii. Forum Perdana – Generasi Idaman Selangor;
- iv. Program Kepimpinan Remaja GeMS;
- v. Bengkel Prosiding Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor;
- vi. Program Operasi Menangani Gejala Sosial; dan
- vii. Program Seminar /Program Pemantapan / Forum melibatkan remaja / belia

Selain itu, AADK dan Jabatan Pelajaran Negeri juga memainkan peranan dengan mengadakan program yang memberi fokus kepada pelajar seperti berikut:

- i. taklimat / ceramah pencegahan dadah kepada pelajar;
- ii. kem motivasi gaya hidup sihat kepada pelajar berisiko;
- iii. pameran sekolah; dan
- iv. *urine test* bagi mengenalpasti pelajar bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tempat pembuangan sampah haram yang telah di kenal pasti sehingga kini mengikut PBT.
- b) Berapa banyak aset telah dirampas kerana dijadikan tempat pembuangan sampah haram?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan supaya kejadian pembuangan sampah haram tidak berulang lagi.

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan tapak pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor sehingga kini adalah sebanyak **167 tapak**. Senarai bilangan tapak mengikut PBT adalah seperti berikut dan senarai lokasi adalah seperti di Lampiran 1:-

BIL.	PBT	BILANGAN TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM
1.	MBSA	9
2.	MBPJ	8
3.	MPSJ	11
4.	MPS	8
5.	MPKJ	0
6.	MPK	3
7.	MPAJ	16
8.	MPSp	9
9.	MDKS	32
10.	MDKL	3
11.	MDSB	14
12.	MDHS	54
JUMLAH KESELURUHAN		167 Tapak

- b) Bagi tahun 2015 hingga Mei 2017, **561 unit aset** yang telah dirampas / disita oleh PBT Negeri Selangor di tapak pelupusan sampah haram. Pecahan aset adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	Jumlah Aset Disita / Dirampas	Catatan
1.	MBSA	1	Tahun 2015 - 1 Lori
2.	MBPJ	14	Tahun 2016 – 11 unit Motosikal, 1 buah lori 1 tan, Van, Lori 10 tan dan Tong RORO Tahun 2016 – 3 unit Tong RORO
3.	MPKj	463	Tahun 2015 – 263 buah lori Tahun 2016 – 138 buah lori 2017 (Sehingga Jun) – 62 buah lori
4.	MPSP	67	Kenderaan lori
5.	MDKS	12	Kenderaan lori
6.	MDKL	4	Kenderaan lori
7.	MPSJ	-	Tiada tindakan rampasan/sitaan oleh PBT berkenaan.
8.	MPS	-	
9.	MPK	-	
10.	MPAJ	-	
11.	MDSB	-	
12.	MDHS	-	
Jumlah Keseluruhan		561	

- c) Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh PBT Negeri Selangor bagi memastikan kejadian pembuangan sampah haram tidak berulang adalah seperti berikut:-
- i. Menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran notis arahan pembersihan atau kompaun kepada peniaga atau penduduk kampung yang didapati melakukan pembuangan sampah secara haram;
 - ii. Menutup dan meletakkan notis larangan pembuangan sampah dan amaran di kawasan tapak pembuangan sampah haram;

- iii. Menjalankan pemantauan berkala atau pemantauan statik di kawasan-kawasan yang berisiko atau *hotspot* tempat pembuangan sampah secara haram;
- iv. Menjalankan kerjasama dengan pemilik premis, penduduk atau JKKK penduduk kawasan kampung supaya tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan membantu memantau kebersihan kawasan masing-masing dengan menyalurkan maklumat segera kepada pihak PBT sekiranya terdapat aktiviti pembuangan sampah secara haram di kawasan mereka;
- v. Mewujudkan kempen-kempen kesedaran kepada peniaga-peniaga kecil dan penduduk kampung tentang pembuangan sampah secara haram dan dedahkan maklumat-maklumat kesedaran;
- vi. Menyediakan tong sampah berpusat untuk penduduk kampung yang menjadi alternatif kepada penduduk dan peniaga membuang sampah contohnya MPKj melalui kerja-kerja kutipan sisa pepejal yang baru mulai Julai 2016 telah membuat penambahbaikan spesifikasi kerja kontraktor dengan mengarahkan kontraktor meletakkan tong 'leach bin' 1200 liter di sepanjang jalan kampung tradisi dan melaksanakan kutipan secara berjadual setiap hari;
- vii. Menyita kenderaan yang membuang sampah secara haram;
- viii. Mengambil pendekatan dengan memberi ganjaran wang tunai kepada pemberi maklumat sampah haram; dan
- ix. Melaksanakan operasi bersepadu bersama PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah dengan menjalankan operasi pemantauan disetiap lokasi pembuangan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM KAD PEDULI SIHAT

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima kad peduli sihat dalam DUN Jeram sehingga kini?
- b) Panel klinik yang terlibat dalam DUN Jeram?

JAWAPAN:

Soalan 1 daripada YB Sekinchan adalah berkaitan Skim Peduli Sihat (SPS) yang akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan seperti berikut:

- i) Soalan 215 daripada YB Kajang;**
- ii) Soalan 206 daripada YB Kota Anggerik;**
- iii) Soalan 31 daripada YB Seri Andalas;**
- iv) Soalan 172 daripada YB Hulu Kelang; dan**
- v) Soalan 103 daripada YB Jeram.**

Seperti mana kita sedia maklum, Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada 24 Januari 2017, membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap bebanan kos rawatan kesihatan rakyat yang semakin tinggi. Program yang terunggul di Malaysia dan hanya terdapat di Selangor ini merupakan satu program yang berimpak tinggi selari dengan peruntukan yang telah dikhususkan untuk pelaksanaannya, iaitu RM125 juta setahun.

Tuan Speaker,

YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas, YB Sekinchan, YB Jeram dan YB Hulu Kelang bertanyakan berkaitan jumlah keahlian Skim Peduli Sihat serta pecahan mengikut Dewan Negeri.

Untuk makluman Ahli Dewan,

Jumlah permohonan keahlian SPS yang telah berdaftar sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 216,051 orang ahli. Jumlah ahli mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Ahli
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	6,162
2	N02	SABAK - N02	2,448
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	7,354
4	N04	SEKINCHAN - N04	2,486
5	N05	HULU BERNAM - N05	1,873
6	N06	KUALA KUBU BAHARU - N06	1,851
7	N07	BATANG KALI - N07	6,741
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	4,947
9	N09	PERMATANG - N09	5,184
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	5,130
11	N11	IJOK - N11	2,198
12	N12	JERAM - N12	5,602
13	N13	KUANG - N13	4,531
14	N14	RAWANG - N14	4,227
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	3,963
16	N16	BATU CAVES - N16	2,549
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	3,109
18	N18	HULU KELANG - N18	2,319
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	2,071
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	3,178
21	N21	CHEMPAKA - N21	1,859
22	N22	TERATAI - N22	752
23	N23	DUSUN TUA - N23	2,126
24	N24	SEMENYIH - N24	2,746
25	N25	KAJANG - N25	1,963
26	N26	BANGI - N26	2,874
27	N27	BALAKONG - N27	988
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	2,563
29	N29	SERI SERDANG - N29	2,340
30	N30	KINRARA - N30	2,340
31	N31	SUBANG JAYA - N31	725
32	N32	SERI SETIA - N32	4,092
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	3,485
34	N34	BUKIT GASING - N34	618

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Ahli
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	525
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	867
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	3,090
38	N38	PAYA JARAS - N38	6,701
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	2,623
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	3,852
41	N41	BATU TIGA - N41	3,721
42	N42	MERU - N42	8,060
43	N43	SEMENTA - N43	3,595
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	1,219
45	N45	SELAT KLANG - N45	3,355
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	2,690
47	N47	PANDAMARAN - N47	2,304
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	663
49	N49	SERI ANDALAS - N49	4,262
50	N50	SRI MUDA - N50	3,061
51	N51	SIJANGKANG - N51	4,258
52	N52	TELOK DATOK - N52	4,840
53	N53	MORIB - N53	7,045
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4,917
55	N55	DENGKIL - N55	8,621
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	4,856
57	KHAS		23,532
	JUMLAH KESELURUHAN		216,051

YB Sekinchan bertanyakan berkaitan keahlian SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 12 Julai 2017 :

Bil.	Kaum	Jumlah Pemohon yang Berjaya	Peratusan %
1	MELAYU	142,558	66%
2	CINA	31,451	14%
3	INDIA	40,367	19%
4	LAIN-LAIN	1,675	1%
	JUMLAH	216,051	100%

YB Jeram bertanyakan jumlah permohonan SPS yang ditolak dan sebab penolakan.

Jumlah permohonan yang ditolak sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 5,235 permohonan. Di antara sebab permohonan tersebut ditolak adalah seperti berikut:

- i. Dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. Gaji melebihi had;
- iii. Tempoh pemastautin tidak mencukupi; dan
- iv. Dokumen sokongan yang mencurigakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas dan YB Jeram turut bertanyakan berkaitan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk SPS serta pecahan mengikut Dewan Negeri.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 12 Julai 2017, bagi pelaksanaan SPS adalah sebanyak RM1,621,950.27. Jumlah tersebut merupakan amaun tuntutan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh klinik panel SPS bagi menampung kos rawatan peserta SPS.

Berikut adalah jumlah amaun tuntutan mengikut Dewan Negeri :

DEWAN NEGERI	BILANGAN PESAKIT	AMAUN TUNTUTAN (RM)
N55 DENGKIL	2,300	102,753.95
N10 BUKIT MELAWATI	1,862	85,782.50
N56 SUNGAI PELEK	1,719	79,501.00
N03 SUNGAI PANJANG	1,663	72,245.40
N28 SERI KEMBANGAN	1,323	60,819.50
N07 BATANG KALI	1,338	60,412.70
N42 MERU	1,320	56,407.30
N09 PERMATANG	1,141	52,741.00
N01 SUNGAI AIR TAWAR	1,153	52,701.70
N38 PAYA JARAS	1,025	46,194.00
N49 SERI ANDALAS	949	43,286.75
N12 JERAM	961	43,093.60
N53 MORIB	905	40,127.00
N13 KUANG	892	38,961.80

N52 TELOK DATOK	793	37,383.00
N32 SERI SETIA	710	32,890.80
N08 SUNGAI BURONG	647	30,603.10
N14 RAWANG	658	28,795.20
N46 PELABUHAN KLANG	609	28,116.40
N41 BATU TIGA	629	27,872.46
N26 BANGI	628	26,888.60
N43 SEMENTA	628	26,762.10
N15 TAMAN TEMPLER	636	26,673.25
N54 TANJUNG SEPAT	582	25,093.00
N51 SIJANGKANG	567	24,970.60
N40 KOTA ANGGERIK	538	24,381.90
N33 TAMAN MEDAN	518	24,252.40
N45 SELAT KLANG	553	23,657.50
N29 SERI SERDANG	490	22,546.80
N18 HULU KELANG	540	22,202.80
N17 GOMBAK SETIA	466	21,249.90
N47 PANDAMARAN	456	20,311.60
N24 SEMENYIH	436	19,736.40
N39 KOTA DAMANSARA	425	19,336.06
N30 KINRARA	430	19,315.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N06 KUALA KUBU BAHARU	409	18,715.00
N19 BUKIT ANTARABANGSA	405	17,848.65
N37 BUKIT LANJAN	392	17,732.00
N25 KAJANG	387	17,632.60
N21 CHEMPAKA	387	17,466.00
N02 SABAK	404	17,382.40
N23 DUSUN TUA	366	16,118.60
N16 BATU CAVES	344	15,701.40
N50 SRI MUDA	347	15,541.65
N04 SEKINCHAN	319	14,533.50
N11 IJOK	310	13,752.00
N31 SUBANG JAYA	259	11,597.35
N05 HULU BERNAM	283	9,741.00
N27 BALAKONG	192	8,492.95
N44 SUNGAI PINANG	111	5,295.10
LAIN-LAIN	101	4,461.00
N34 BUKIT GASING	96	4,362.50
N22 TERATAI	67	3,072.00

N48 KOTA ALAM SHAH	48	2,253.50
N36 DAMANSARA UTAMA	41	1,770.00
N35 KAMPUNG TUNKU	30	1,303.00
JUMLAH	36,225	1,621,950.27

YB Jeram bertanyakan berkenaan klinik panel bagi SPS, pada masa ini sebanyak 624 klinik panel yang telah berdaftar dengan SPS. Berikut adalah pecahan klinik panel mengikut Dewan Negeri :

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Klinik
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	0
2	N02	SABAK - N02	2
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	N04	SEKINCHAN - N04	1
5	N05	HULU BERNAM - N05	0
6	N06	KUALA KUBU BAHARU - N06	6
7	N07	BATANG KALI - N07	12
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	1
9	N09	PERMATANG - N09	4
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	4
11	N11	IJOK - N11	3
12	N12	JERAM - N12	8
13	N13	KUANG - N13	2
14	N14	RAWANG - N14	26
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	9
16	N16	BATU CAVES - N16	17
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	7
18	N18	HULU KELANG - N18	2
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	8
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	N21	CHEMPAKA - N21	1
22	N22	TERATAI - N22	2
23	N23	DUSUN TUA - N23	4
24	N24	SEMENYIH - N24	14
25	N25	KAJANG - N25	27
26	N26	BANGI - N26	23
27	N27	BALAKONG - N27	9
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	18
29	N29	SERI SERDANG - N29	13
30	N30	KINRARA - N30	32

31	N31	SUBANG JAYA - N31	24
32	N32	SERI SETIA - N32	19
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	13
34	N34	BUKIT GASING - N34	3
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	10
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	5
38	N38	PAYA JARAS - N38	15
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	19
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	48
41	N41	BATU TIGA - N41	22
42	N42	MERU - N42	22
43	N43	SEMENTA - N43	29
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	5
45	N45	SELAT KLANG - N45	5
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	22
47	N47	PANDAMARAN - N47	4
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	5
49	N49	SERI ANDALAS - N49	7
50	N50	SRI MUDA - N50	17
51	N51	SIJANGKANG - N51	6
52	N52	TELOK DATOK - N52	8
53	N53	MORIB - N53	6
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	N55	DENGKIL - N55	10
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	7
JUMLAH KESELURUHAN			624

YB Sekinchan bertanyakan berkaitan kaedah mempercepatkan kelulusan setiap permohonan.

Permohonan Keahlian SPS boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu dengan membuat permohonan secara atas talian (*online*) ataupun melalui Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran. Bagi memudahkan permohonan, petugas PKM akan membantu menguruskan pendaftaran SPS ini terutama kepada golongan yang kurang upaya dan kurang berpengetahuan menggunakan capaian internet. Proses ini dapat mempercepatkan kelulusan setiap permohonan yang diterima.

Bagi memperkasakan program Skim Peduli Sihat (SPS) demi kepentingan dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa **Kategori Khas** yang akan didaftarkan dan diluluskan oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. selaku pihak yang telah dilantik bagi menguruskan pelaksanaan SPS. Kategori Khas ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod penerima yang layak untuk menerima manfaat di bawah program ini. Senarai penerima manfaat SPS di bawah **Kategori Khas** yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI KHAS	AGENSI / JABATAN
1.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKM)
2.	Anak Yatim	
3.	Guru KAFA	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
4.	Imam Masjid dan Surau	
5.	Fakir Miskin / Asnaf	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
6.	Ketua Kampung dan Ketua Komuniti India	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7.	Warga Emas (60 tahun ke atas)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PENYELESAIAN YANG DICAPAI PADA 7
APRIL 2016 DAN 23 MEI 2016 TENTANG MASALAH PEMINDAHAN
PENEROKA-PENEROKA DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT
KERAYONG**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas penyelesaian dicapai pada 7/4/2016 dan 23/5/2016, Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd masih belum memperolehi Kebenaran Merancang daripada MPK selepas melebihi setahun. Apakah sebab kelewatan tersebut?
- b) Adakah kelewatan tersebut disebabkan sabotaj oleh mana-mana pihak?
- c) Adakah kelewatan tersebut disebabkan oleh JPS?

JAWAPAN:

- a) Kelewatan adalah disebabkan pihak perunding masih belum mematuhi beberapa syarat- syarat OSC keatas pelan Kebenaran Merancang, khususnya ulasan beberapa jabatan teknikal iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Daerah Klang.
- b) Majlis Perbandaran Klang memproses semua jenis permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis dan tempoh kelulusan adalah bergantung kepada prestasi dan pencapaian perunding dalam mematuhi syarat-syarat OSC.
- c) Majlis difahamkan oleh perunding, pihak pemaju belum mematuhi syarat-syarat dan ulasan JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN PELAJAR IPT DALAM DAN LUAR NEGARA DARIPADA
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima dan keseluruhan bantuan bagi IPT dalam dan luar negara ini sejak tahun 2017?
- b) Apakah syarat-syarat kelayakan bagi mendapat bantuan tersebut?
- c) Bagaimanakah ditentukan nilai bantuan diberikan kepada seorang pelajar?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah penerima bantuan bagi IPT dalam dan luar negara bagi tahun 2017 (sehingga Jun):

***BILANGAN PENERIMA DAN JUMLAH BANTUAN BAGI BANTUAN IPT
DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2017 (SEHINGGA JUN)**

BIL	IPT	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH RM (JUTA)
1	Dalam Negara	5,544 orang	RM37,494,900
2	Luar Negara	356 orang	RM10,388,000

**Nota: Bantuan ini adalah bagi asnaf fakir, miskin, muafak dan fiasabilillah (luar negara) yang merangkumi bantuan yuran pengajian dan keperluan pendidikan.*

- b) Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI ASNAF	JENIS BANTUAN	SYARAT UMUM KELAYAKAN
1.	Fakir & Miskin	Bantuan Dermasiswa Pelajaran (IPT dalam & luar negara)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Disahkan sebagai anak/tanggung/asnaf fakir/miskin yang berdaftar dengan LZS pada tahun semasa melalui bancia/semakan/siasatan. 2. Telah memohon bantuan melalui Borang Permohonan Agihan Zakat dan mengisi borang dengan lengkap. 3. Pelajar melanjutkan pelajaran di IPT

BIL	KATEGORI ASNAF	JENIS BANTUAN	SYARAT UMUM KELAYAKAN
			<p>dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia @ Malaysia Qualifications Agency (MQA)/Kementerian Pengajian Tinggi/LZS.</p> <p>4. Bantuan yang disalurkan hanya bagi peringkat Matrikulasi/Asasi, Pra Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dan sijil sahaja.</p>

- c) Untuk makluman, bantuan bagi pelajar IPT dalam dan luar negara disalurkan kepada asnaf fakir, miskin dan muafak di Selangor yang memenuhi syarat-syarat kelayakan ditetapkan berdasarkan kepada Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat.

Bagi asnaf fakir, miskin dan muafak, yuran pengajian dibiayai sepenuhnya oleh LZS.

Manakala bagi penentuan nilai bantuan sara hidup yang disalurkan pula berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar (lantikan Jabatan Agama Islam Selangor) dengan kerjasama pihak kedutaan dan LZS.

Nilai bantuan sara hidup ini berbeza mengikut sesebuah negara seseorang pelajar asnaf itu melanjutkan pengajian. Kajian nilai bantuan yang dilaksanakan ini mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Operasi Agihan LZS yang dipengerusikan oleh Mufti Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENGGUNAAN APPS WAZE DALAM PENYELESAIAN ADUAN RAKYAT
TENTANG LUBANG JALAN**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggunakan waze untuk rakyat mengadu tentang lubang jalan.
- b) Senaraikan jumlah aduan yang diterima melalui waze mengikut pecahan PBT.
- c) Sejauh manakah keberkesanan waze ini dalam menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat berbanding SOP PBT sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah menggunakan Aplikasi Waze sebagai satu saluran alternatif kepada rakyat untuk membuat pelaporan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor:
 - i. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
 - ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
 - iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
 - iv. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
 - v. Majlis Perbandaran Klang (MPK)
 - vi. Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)
 - vii. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- b) Sehingga kini sebanyak 7861 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor telah diterima. Perincian adalah seperti berikut:-
 - i. MBSA : 1016
 - ii. MBPJ : 1787
 - iii. MPSJ : 1062
 - iv. MPAJ : 215
 - v. MPK : 1366
 - vi. MPKJ : 1809
 - vii. MPS : 606

c) Aplikasi Waze ini berperanan sebagai satu saluran alternatif kepada rakyat untuk membuat pelaporan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor. Berdasarkan analisa yang dilakukan bagi sukuan kedua (April – Jun 2017), kami dapat menterjemahkan keberkesanan Aplikasi Waze seperti berikut:

- i. 36.65% telah berjaya diselesaikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
- ii. 4.93% masih di dalam tindakan pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
- iii. 6.63% merupakan penyelesaian jangka panjang yang tertakluk kepada arahan atau kepatuhan audit atau pelaksanaan secara projek. Contoh projek MARRIS
- iv. 42.64% bukan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Contoh jalan di bawah bidang kuasa JKR, Lembaga Lebuhraya, dan lain-lain
- v. 1.91% merupakan pelaporan palsu ataupun tidak tepat
- vi. 7.22% merupakan pelaporan bertindih

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PERMIT PENGGUNAAN TANAH BAGI PETANI-PETANI DI KAWASAN
HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT (SELATAN) DAERAH PANTAI KLANG
SELANGOR**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan akhir Kerajaan Negeri bagi permohonan permit dan kebenaran penggunaan tanah bagi petani-petani di Kawasan Hutan Simpan Kuala Langat (Selatan) Daerah Pantai Klang Selangor yang telah dikemukakan oleh Persatuan Pekebun-pekebun Sayur Kawasan Pantai Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri masih belum membuat keputusan mengenai perkara ini kerana masih diperingkat kajian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan LRA Labohan Dagang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menghadapi sebarang masalah dalam membina LRA tersebut?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan ia siap dalam tempoh ditetapkan?

JAWAPAN:

a)

1. Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang akan dibina di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dengan kapasiti sebanyak 200 JLH. Dalam melaksanakan projek ini, ia telah disusun kepada lima (5) pakej seperti berikut:-

Bil	Nama Pakej	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat. Kontraktor: FCY Constructions Sdn. Bhd. Kos Projek: RM 38,200,000.00	14 September 2016 (18 bulan)	13 Mac 2018
2.	PAKEJ B - Membina, Menguji dan Mentauliah Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40ML, Kerja-kerja Cerun, Jalan Masuk Serta Kerja-kerja Berkaitan di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor Kontraktor: Ikatan Gemajaya Sdn. Bhd. Kos Projek: RM 32,238,000.00	24 Oktober 2016 (78 minggu)	23 April 2018
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-	06 Januari 2017 (78 minggu)	05 Julai 2018

Bil	Nama Pakej	Tarikh Mula	Tarikh Siap
	kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor Kontraktor: Leika Sdn. Bhd. Kos Projek: RM 49,307,016.00		
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. 1800 mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra Kontraktor: Ang Yoke Lian Sdn. Bhd. Kos Projek: RM 45,316,694.00	14 Februari 2017 (78 minggu)	13 Ogos 2018
5.	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor Kontraktor: Cipta Wawasan Maju Engineering Sdn. Bhd. Kos Projek: RM 184,300,000.00	07 Julai 2017 (66 minggu)	11 Oktober 2018
KOS KESELURUHAN PROJEK– RM 427.0 juta termasuk kos pengambilan tanah, pelantikan perunding dan kos-kos lain yang berkaitan			

2. Pada ketika ini kerja-kerja di tapak telah mencapai 4% melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak dan dijangka projek akan siap mengikut jadual yang telah ditetapkan.

b)

1. Di dalam melaksanakan projek ini, masalah utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan pengambilan balik tanah dan pencerobohan peneroka haram di atas tanah kerajaan. Pengambilan balik tanah melibatkan proses yang panjang dan menjadi bertambah sulit apabila tuan tanah tidak dapat dikesan. Kelewatan di dalam proses pengambilan balik tanah ini juga disebabkan rekod carian yang diperolehi oleh juru ukur yang telah dilantik tidak sama dengan rekod tanah yang ada di Pejabat Tanah. Justeru itu, semakan semula perlu dibuat oleh Pejabat Tanah.

2. Sebahagian besar tanah yang terlibat dalam projek ini adalah tanah kerajaan. Terdapat banyak pencerobohan peneroka ke atas tanah kerajaan yang mana turut menyumbang kepada kelewatan kerana sebelum memulakan kerja-kerja pembersihan tapak, pihak kontraktor yang telah dilantik terpaksa berurusan dengan pihak peneroka dengan membayar sugu hati ke atas setiap pokok yang ada di tapak projek. Sebagai contoh, dalam pengiraan yang telah dibuat di atas tapak bagi kerja-kerja pemasangan paip, sejumlah 5001 batang pokok yang kebanyakannya terdiri daripada pokok kelapa sawit ditanam di atas tanah kerajaan oleh lebih kurang 66 peneroka. Pada masa yang sama juga, terdapat peneroka yang tidak mahu bertolak ansur atas jumlah sugu hati yang ditawarkan.
3. Melalui bantuan daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat dan Jabatan Kemajuan Orang Asli, isu-isu berkaitan tanah dapat diselesaikan.
 - c) Dalam usaha untuk memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan, pemantauan di tapak dibuat secara berkala dan rapi melalui mesyuarat tapak setiap bulan bagi membincangkan kemajuan projek dan mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah yang timbul supaya tidak menjejaskan perjalanan pelaksanaan projek. Kerajaan Negeri juga memantau pelaksanaan projek dengan memastikan kontraktor mengemukakan Laporan Kemajuan Kerja Mingguan di mana melalui laporan ini, Kerajaan Negeri dapat mengesan sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KHAS 2 BULAN SEMPENA AIDILFITRI 2017

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor utama KNS meluluskan bantuan tersebut kepada semua penjawat awam?
- b) Sila senaraikan Bantuan Kewangan Khas oleh semua negeri-negeri termasuk Persekutuan secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu ?
- c) Sejauh manakah pemberian bantuan tersebut terhadap implikasi ekonomi dan kewangan negeri?

JAWAPAN:

- a) Faktor utama pemberian Bantuan Khas Kewangan sempena Aidilfitri 2017 kepada kakitangan perkhidmatan awam Negeri Selangor yang berkelayakan adalah berdasarkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang kukuh dengan rizab sebanyak RM3billion sejak Tahun 2014 dan sebanyak RM3.194billion sehingga pada 30 Jun 2017. Pemberian ini juga sebagai tanda terima kasih Kerajaan Negeri terhadap komitmen penjawat awam yang menjadi tunjang kepada kestabilan Negeri Selangor serta menyanjung tinggi peranan mereka dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam Negeri dilaksanakan dalam etika kerja yang tinggi, berintegriti dan profesional.
- b) Kerajaan Persekutuan dan semua negeri kecuali Johor, Pulau Pinang dan Kedah melaksanakan 2kali pemberian BKK sebanyak RM500 pada tahun 2015 & 2016 serta 1kali pemberian BKK sebanyak RM500 pada tahun 2017. Manakala bagi Negeri Johor melaksanakan 2kali pemberian BKK sebanyak RM500 pada tahun 2015, Imbuan Tahunan ½ Bulan gaji pada Tahun 2016 dan BKK sebanyak RM1,000.00 pada tahun 2017. Bagi Negeri Pulau Pinang melaksanakan pemberian BKK sebanyak 1 bulan gaji pada tahun 2015, pemberian BKK sebanyak 1 ½ bulan gaji pada tahun 2016 dan pemberian BKK sebanyak ¾ bulan gaji pada tahun 2017. Bagi Negeri Kedah pula melaksanakan 2kali pemberian BKK sebanyak RM500 pada tahun 2015 & 2016 serta 1kali pemberian BKK sebanyak RM1,000.00 pada tahun 2017.

Berikut merupakan senarai pemberian Bantuan Khas Kewangan pada Tahun 2015, 2016 dan 2017 secara perbandingan dengan negeri-negeri termasuk Kerajaan Persekutuan:-

NEGERI	TAHUN			CATATAN
	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM) * Pemberian pertama	
Kerajaan Persekutuan	1,000.00	1,000.00	500.00	Jumlah BKK tahun 2015 & 2016 adalah sebanyak 2kali pemberian. Jumlah BKK tahun 2017 adalah sebanyak 1kali pemberian.
Johor	1,000.00	½ bulan gaji (Imbuhan Tahunan)	1,000.00 (BKK)	Pada Tahun 2016 Kerajaan Negeri Johor mengumukan pemberian Imbuhan Tahunan
Melaka	1,000.00	1,000.00	500.00	
Negeri Sembilan	1,000.00	1,000.00	500.00	
Selangor	1 ½ bulan gaji (Imbuhan Tahunan)	2 bulan gaji	2bulan gaji	Kerajaan Negeri Selangor mengumukan pemberian Imbuhan Tahunan pada Tahun 2015
Perak	1,000.00	1,000.00	500.00	
Pulau Pinang	1bulan gaji	1 ½ bulan gaji	¾ bulan gaji	
Kedah	1,000.00	1,000.00	1,000.00	
Perlis	1,000.00	1,000.00	500.00	
Kelantan	1,000.00	1,000.00	500.00	
Terengganu	1,000.00	1,000.00	500.00	
Pahang	1,000.00	1,000.00	500.00	
Sabah	1,000.00	1,000.00	500.00	
Sarawak	1,000.00	1,000.00	500.00	

Jadual 1: Senarai pemberian Bantuan Khas Kewangan secara perbandingan negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan pada Tahun 2015, 2016 dan 2017.

- c) Pemberian Bantuan Khas Kewangan sempena Aidilfitri 2017 ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM61.873juta iaitu sebanyak 2% daripada rizab keseluruhan Kerajaan Negeri. Dengan adanya pemberian seumpama ini, ianya dapat meningkatkan kuasa beli rakyat Negeri Selangor seterusnya memberi kesan positif terhadap pembangunan ekonomi negeri serta menarik keyakinan para pelabur luar terhadap kestabilan ekonomi negeri Selangor. Selain itu juga kepimpinan Negeri Selangor yang kukuh dan tegas dalam mempertahankan prinsip governance dan urus tadbir yang cemerlang dengan prinsip ketelusan, keterbukaan dan kebertanggungjawaban turut menjadi pemangkin kestabilan ekonomi dan kewangan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PROJEK MENAIKTARAF STADIUM MINI SABAK MENJADI
KOMPLEKS SUKAN**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bila projek ini akan dimulakan dan bila akan disiapkan?
- b) Apakah komponen penting yang terkandung dalam projek pembangunan ini?

JAWAPAN:

- a) Kertas konsep awal telah dihantar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan cadangan pembangunan di keluasan tanah hampir 9 ekar berhampiran Stadium Mini Sabak Bernam. Anggaran kos kasar adalah RM40 Juta. Syor bersama melantik konsultan bertauliah agar perancangan projek dapat dikaji dengan lebih teliti tentang keperluan dan bajet. Sekiranya tiada masalah syor cadangan pelaksanaan pada tahun 2018.
- b) Di antara cadangan kompenan adalah
 - 1. Menaiktaraf Stadium sediaada (7.523 ekar)
 - 2. Stadium Tertutup (1.857 ekar)
 - 3. Pusat Sukan / Gimnasium(1.545 ekar)
 - 4. Pusat Akuatik (1.167 ekar)
 - 5. Kuarters (3.128 ekar)
 - 6. Extreme Park (1.131 ekar)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PROGRAM YAYASAN SELANGOR

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan program penajaan pendidikan di bawah Yayasan Selangor?
- b) Sila jelaskan jumlah anak-anak Selangor yang telah mendapat manfaat sejak tahun 2013.
- c) Berapakah pecahan dari segi peratusan di antara yang berjaya dengan yang gagal?

JAWAPAN:

- a) Program penajaan pendidikan Yayasan Selangor telah membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Ia diterjemah dengan pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walaupun saban tahun, format peperiksaan awam (SPM) berubah mengikut keperluan semasa, pelajar tajaan Yayasan Selangor berjaya memperoleh keputusan yang baik dan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Tahun	Pencapaian 5A ke atas	Pencapaian 4A	Pencapaian 4A ke atas
2013	64.3 %	15.4 %	79.7 %
2014	68.0 %	15.9 %	83.9 %
2015	56.3 %	17.0 %	73.3 %
2016	46.4 %	15.5 %	61.9 %

b)

Tahun	Enrolmen	Catatan
2013	4008	-
2014	5097	Sekolah Menengah – 4365 Sekolah Rendah - 732
2015	5186	Sekolah Menengah –4778 Sekolah Rendah - 408
2016	4698	Sekolah Menengah – 4477 Sekolah Rendah - 221

Program pembiayaan pendidikan melalui Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor juga telah dilaksanakan dan telah memberi manfaat kepada rakyat seperti data di bawah:

Tahun	Jumlah Pelajar IPT	Jumlah (RM)
2013	122 orang	RM1,310,436.40
2014	24 orang	RM270,452.00
2015	9 orang	RM114,400.00
2016	177 orang	RM3,014,554.40

c) 100% pelajar lulus dalam peperiksaan dan berjaya meneruskan pengajian selepas Tingkatan 5 di peringkat menengah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : CERAMAH POLITIK DI MASJID DAN SURAU

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan masjid dan surau tidak di salah gunakan untuk tujuan ceramah politik?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah dan tindakan yang telah di ambil ialah :
- i. Membuat pindaan Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan “ Mana-mana orang yang mengajar, *cuba mengajar atau menyebabkan pengajaran* agama Islam tanpa tauliah yang diberikan dibawah Seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali “.
 - ii. Memantapkan pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor dengan membuat Peraturan-Peraturan Masjid Dan Surau (Negeri Selangor) 2017 yang lebih komprehensif dan teratur bagi menggantikan Kaedah-Kaedah Pegawai Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
 - iii. Menyediakan program latihan kepada Pegawai-pegawai Masjid dan Pengerusi Surau bagi memberi kefahaman dan pendedahan kepada mereka berkaitan enakmen, peraturan dan garis panduan yang dikuatkuasakan oleh MAIS dan JAIS dalam mengurus tatakelola pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor
 - iv. Mengeluarkan Pekeliling Khas Larangan Menggunakan Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor Bagi Menjalankan Apa-Apa Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Politik ke semua Pejabat Ahli parlimen Dan Ahli Dewan Negeri

- v. Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan mengambil tindakan penamatan atau penggantungan tugas sebagai nazir atau pengerusi surau jika di dapati cuai atau sengaja melanggar peraturan, garis panduan atau pekeliling yang dikuatkuasakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KESAN HAKISAN PINGGIR PANTAI

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategik dan perancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesan hakisan pinggir pantai untuk menyelamatkan flora dan fauna ?

JAWAPAN:

- a) Terdapat beberapa strategik dan perancangan yang sedang dilaksanakan untuk mengurangkan kesan hakisan pinggir pantai untuk menyelamatkan flora dan fauna oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Bagi mengurangkan kesan hakisan pinggir pantai Justeru itu adunan pembangunan dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan secara saintifik dan sistematik mestilah dilaksanakan di zon pinggir pantai khususnya dalam konteks mengawal kadar hakisan yang semakin giat berlaku. Strategi pembangunan bagi mengurangkan kadar hakisan ini boleh dilakukan melalui tiga langkah penting. Pertama, langkah perundangan kedua garis panduan pembangunan pantai dan ke tiga kaedah kawalan struktur.

Langkah perundangan melibatkan perlaksanaan akta-akta tertentu bagi mencegah sesuatu sumber daripada mengalami kemusnahan. Dalam konteks ini pemusnahan hutan bakau boleh dicegah melalui penguatkuasaan undang-undang yang ada misalnya Akta Perhutanan Negara 1984. Dengan melindungi hutan bakau maka secara langsung kadar hakisan pantai boleh dikawal secara semulajadi.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah mengeluarkan **GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI** yang menekankan aktiviti dan pembangunan di kawasan persisiran pantai. **Had anjakan pembangunan** di kawasan pantai bertujuan untuk menilai semula beberapa had anjakan pembangunan yang terdapat dalam Garispanduan JPS 1/97 ditambahbaik dengan mengambil kira kadar hakisan fizikal dan faktor nilai ekonomi.

Manakala langkah melalui kaedah kawalan struktur pula melibatkan aspek kejuruteraan pantai. Antaranya seperti pembinaan benteng konkrit, asfalt, batu (armour rock), guni pasir termasuklah "**Groin dan Gabion**". Melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, 2 projek kawalan hakisan dan memperkukuhkan benteng sedang dilaksanakan di daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dan kerja-kerja membina lapis lindung di Pantai Morib- Kelanang telah siap.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Pembinaan dan penyelenggaraan ban pantai merupakan tanggungjawab bersama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Oleh kerana kos bagi pembinaan ban pantai memerlukan peruntukan yang tinggi, maka permohonan pembinaan atau menaiktaraf ban secara keseluruhan akan dipohon kepada kerajaan persekutuan. Namun begitu, kerajaan negeri juga boleh menampung kos untuk pembinaan ban bergantung kepada kewangan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Selangor sehingga Jun 2016?
- b) Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Selangor yang telah dipindahmilik sehingga Jun 2017?
- c) Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan tanah rizab Melayu terus kekal terpelihara dari segi jumlah keluasannya?

JAWAPAN:

a,b,c)

Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) ketika ini sedang mengemaskini data Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor bagi tahun 2017.

Saya akan membentangkan data maklumat mengenai TRM berakhir pada 30 Jun 2016. Setakat tahun tersebut, jumlah keluasan TRM di Negeri Selangor yang telah diwartakan adalah sebanyak **396,245.69 ekar**.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, merujuk kepada Seksyen 8(ii), Enakmen Rizab Melayu (ERM), saya ingin menegaskan bahawa tiada apa jua pegangan Melayu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu dan tiada apa jua memorandum pindahmilik, gadaian atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik.

Walaupun bagaimanapun, TRM ini boleh dibatalkan status pewartaannya. Namun ERM telah menetapkan supaya semua TRM yang dibatalkan hendaklah diganti. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri memandang serius ke atas penggantian TRM yang telah dibatalkan. Mengikut rekod, jumlah TRM yang telah dibatalkan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak **133.016 ekar**. Manakala, **1,530.345 ekar** telah diisytiharkan (digantikan) sebagai TRM. Berikut adalah pecahan jumlah TRM mengikut tahun:

Tahun	TRM Batal (ekar)	TRM Isytihar (ganti) (ekar)
2010	-	9.945
2011	-	-
2012	50.311	59.195
2013	-	-
2014	5.705	5.705
2015	77	77
2016	-	1,378.5
Jumlah	133.016	1,530.345

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang dibatal digantikan agar terus kekal terpelihara dari segi jumlah keluasannya. Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bilangan 3 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaiannya di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) pada 20 Mei 2015. Pekeliling ini telah menetapkan sekiranya terdapat TRM yang terlibat dengan pengambilan, TRM yang dibatalkan hendaklah diganti serentak.

Untuk makluman Yang Berhormat , PTGS telah mendokumentasikan data TRM mengikut daerah di Negeri Selangor dan ia merupakan kompilasi Buku TRM yang pertama diterbitkan di Negara ini dan di dalamnya mengandungi Warta dan Pelan Warta TRM. Sesalinan kompilasi buku ini telah dipersembahkan kepada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor pada 6 Disember 2016. Saya yakin dan percaya bahawa buku ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

Untuk makluman juga, Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Negeri Selangor, atau dikenali sebagai JKPPTRM telah ditubuhkan pada Ogos

2014 yang lalu. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi tujuan menambahbaik pengurusan TRM di Negeri Selangor.

Bidang Kuasa JKPPTRM adalah seperti berikut :

- i. Mengemaskini jumlah keseluruhan TRM mengikut daerah, termasuk TRM yang telah dibuat pengambilan dan penggantian semula;
- ii. Menyediakan Cadangan Pelan Penggantian TRM bagi setiap daerah berserta tempoh pelaksanaan penggantian tersebut;
- iii. Mengadakan mesyuarat berkala bagi membincangkan isu-isu berkaitan TRM dan cadangan penambahbaikan pengurusan TRM secara keseluruhan; dan
- iv. Memantau penggunaan dan pelaksanaan prosedur berkaitan TRM agar ianya seragam dan selaras dengan KTN, Enakmen Rizab Melayu serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MAJLIS HALAL INTERNATIONAL SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Majlis Halal International Selangor dalam menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri utama dalam industri halal di rantau Asia?

JAWAPAN:

- a) Antara peranan Majlis Halal International Selangor dalam menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri utama dalam industri halal adalah seperti berikut:-
- i. Merealisasikan perancangan pembangunan dan meletakkan Selangor sebagai Halal Hub terulung di Malaysia dan Global.
 - ii. Pelaksanaan inisiatif dan program/projek HIS dijadikan platform untuk negeri Selangor menuju ke arah '**Global Nation State**' dalam industri Halal selari dengan gagasan '*Smart Selangor*'.
 - iii. Meletakkan **Halal Standard Selangor** sebagai Penanda Aras bagi pensijilan halal di Negeri Selangor, Malaysia dan Global.
 - iv. Memantau dan memberi fokus pelaburan dari sektor industri Halal yang akan menambahbaik Negeri Selangor sebagai negeri yang maju, berdaya saing dan pro-perdagangan.
 - v. Memberi nasihat dalam proses penilaian dan pelaksanaan inisiatif dan program/projek HIS.
 - vi. Memastikan program / projek HIS mempunyai nilai komersil dan memberi kesan dan impak positif kepada socio-ekonomi negeri Selangor.
 - vii. Memastikan program / projek HIS mendapat sumber-sumber yang diperlukan seperti dana, prasarana dan kepakaran untuk menjayakan pelaksanaan program / projek HIS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN PERSATUAN BOLA SEPAK SELANGOR (FAS)

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Kompleks Sukan FAS?
- b) Mengapa sehingga hari ini FAS masih mengekalkan penggunaan pejabat di Kelana Jaya?
- c) Nyatakan secara terperinci kos-kos yang masih ditanggung dari 2014-2016?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mewartakan Kompleks Sukan ini kepada Majlis Sukan Negeri Selangor dan pihak Majlis Sukan Negeri Selangor sedang menjalankan program pembangunan sukan bola sepak melalui Akademi Bola sepak Merah Kuning. Pihak Majlis juga telah membaikpulih beberapa kerosakan dan menyelenggara serta membersihkan kawasan tersebut.
- b) Pejabat FAS di Kelana Jaya dikendalikan sepenuhnya oleh FAS sendiri dan segala urusan pentadbiran FAS adalah dibawah pengurusan FAS. Kerajaan Negeri tidak mencampur tangan dalam pengurusan FAS, oleh yang demikian, tiada maklumat yang dapat diperolehi berkaitan penggunaan pejabat FAS di Kelana Jaya.
- c) Bagi tempoh tiga (3) tahun 2014-2016, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan kos – kos yang masih ditanggung sendiri oleh pihak Persatuan Bola sepak Selangor (FAS).

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada pihak Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) seperti berikut:-

Tahun	Jumlah (RM)
2014	10,500,000.00
2015	16,970,563.00
2016	17,794,989.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KUTIPAN SAMPAH PUKAL DAN KEBUN DI DUN KAMPUNG TUNKU

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kutipan sampah pukal dan sampah kebun di kawasan DUN Kampung Tunku masih tidak stabil akibat kuota kutipan sampah mengikut berat yang ditetapkan oleh MBPJ terhadap kontraktor yang terlalu rendah. Apakah cara untuk mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Kutipan sampah pukal dan sampah kebun di kawasan DUN Kampung Tunku masih tidak stabil akibat kuota kutipan sampah mengikut berat yang ditetapkan oleh MBPJ terhadap kontraktor yang terlalu rendah adalah tidak benar sepenuhnya. Kuantiti sampah kebun yang tinggi terutamanya di kawasan-kawasan perumahan sesebuah SS1 di bawah DUN Kampung Tunku pada awal tahun 2017. Bagi mengatasi masalah kuantiti sampah kebun bertambah secara bermasa, MBPJ telah menentukan formula membiayai kos tambahan pengutip dengan memberi arahan kepada kontraktor pembersihan kawasan. Selainsi tu, servis secara berbayar bagi penduduk yang ingin melupuskan sampah pukal dengan kuantiti yang banyak turut disediakan. Dalam pada itu, kontraktor “back-up” turut diarahkan bagi mengatasi masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN BANTUAN GOLONGAN MISKIN

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah orang miskin yang telah diberi bantuan oleh kerajaan Selangor sejak 2008?
- b) Berapakah lagi orang miskin yang tidak mendapat bantuan? Bagaimana kerajaan negeri mendapat angka tersebut?
- c) Apa perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan secara berkesan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dalam melangkah maju ke hadapan serta mendepani pelbagai cabaran ketidaktentuan ekonomi, kemiskinan merupakan fokus utama yang perlu ditangani hingga ke akar umbi. Justeru itu, di dalam hal ini, inisiatif dan usaha keras Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan dan pengupayaan ekonomi oleh pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) serta Jabatan/ Agensi sejak tahun 2008 lagi.

Berdasarkan rekod, seramai 762,841 orang* yang telah menerima manfaat daripada program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sejak tahun 2008. Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk pelbagai program bantuan dan pengupayaan ekonomi daripada pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) dan Jabatan/ Agensi.

Jumlah penerima manfaat mengikut program dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN 1.*

LAMPIRAN 1

**JUMLAH PENERIMA MANFAAT DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2017 (DIKEMASKINI HINGGA JUN 2017)**

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)										JUMLAH
		TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016	TAHUN 2017 (Dikemaskini hingga Jun 2017)	
1.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan :- i. Tahun Baru Cina; ii. Hari Raya Aidilfitri; dan iii. Deepavali.					95,200	61,600	65,104	66,905	79,936	26,209	394,954
2.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	100	334	245	353	252	186	523	404	504	363	3,264
3.	Program <i>Back to School</i> untuk Rakyat Miskin	39,200	40,000	50,000	56,000	56,000	33,600	33,600	23,494	29,299	<i>*Program belum dilaksanakan</i>	361,193
4.	Program Kemahiran Teknikal	280	324	359	416	366	456	359	247	310	286	3,403
JUMLAH KESELURUHAN		39,580	40,658	50,604	56,769	151,818	95,842	99,586	91,050	110,049	26,858	762,814

- b) Ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang data atau statistik bersepadu berhubung berhubung jumlah penduduk miskin di Negeri Selangor yang masih belum menerima manfaat daripada Kerajaan Negeri. Namun begitu, usaha membasmi kemiskinan sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan memastikan semua rakyat terutamanya golongan miskin sentiasa memperoleh manfaat. Menyedari hakikat ini, program-program bantuan dan program pengupayaan ekonomi sentiasa dipelbagaikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan serta meningkatkan taraf ekonomi rakyat dari pelbagai dimensi.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi. Pelbagai usaha terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan “*Distributive Justice*” kepada rakyat. Inisiatif dan usaha keras Kerajaan Negeri ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan oleh pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) dan Jabatan/ Agensi untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari pelbagai aspek. Antara langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah seperti berikut:-

i. Program Bantuan Perumahan

Program Bantuan Perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki dan selesa untuk diduduki adalah Rumah Selangorku. Manakala bantuan skim pembiayaan perumahan adalah melalui Skim DanaSel dan Skim *Selangor Smart Home Buyers*. Skim Smart-Sewa pula diwujudkan bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana untuk menyewa dan akhirnya berupaya memiliki rumah di Negeri Selangor. Selain itu, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin disasarkan khusus kepada golongan miskin yang menetap di rumah yang serba daif di mana rumah akan dibina dan diberikan secara percuma kepada yang layak.

ii. Program Bantuan Pengupayaan Ekonomi

Program-program Bantuan Pengupayaan Ekonomi pula adalah seperti Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program Bantuan Nelayan/ Akuakultur, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Pemberian

Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan serta pelbagai lagi Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

iii. Program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan

Program-program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan seperti Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Skim Pemeriksaan Mammogram dan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor (merangkumi bantuan seperti Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain Rawatan dan Kaki Palsu) pula dilihat sebagai inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan kos hidup rakyat melalui bantuan kesihatan ke arah melahirkan rakyat yang sihat dan cergas.

iv. Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan

Terdapat pelbagai Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan yang bukan sahaja berupaya memperkukuhkan daya saing graduan, malahan dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka. Antaranya adalah seperti Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Kolej Antarabangsa INPENS, *Selangor Business School* dan Program *Boot Camp* Akademik. Manakala program-program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan/ pembiayaan pendidikan pula adalah seperti Program Peduli Siswa, Basiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Basiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/ IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk Anak Pekerja Ladang.

Oleh yang demikian, bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor, isu kemiskinan perlu ditangani secara holistik, integrasi/bersepadu dan sinergi bagi memastikan matlamat kemiskinan sifar di Negeri Selangor dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA (IWD)

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengoperasian IWD?
- b) Apakah usaha-usaha IWD yang boleh dimanfaatkan oleh PWB di peringkat DUN dan juga Pusat Khidmat Masyarakat DUN?
- c) Sila jelaskan struktur carta organisasi IWD dan individu yang dipertanggungjawabkan.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : APLIKASI €BIG DATA ANALYTICS€ DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan sektor yang telah memanfaatkan aplikasi *Big Data Analytics* sehingga kini.
- b) Apakah status pembangunan *Smart Digital Eco-system*?
- c) Sejauh manakah aplikasi ini telah membantu kerajaan dan agensi melaksanakan perkhidmatan?

JAWAPAN: